



---

**GARIS PANDUAN**

---

**PROGRAM KEM MEMBACA 1MALAYSIA**

**PERINGKAT SEKOLAH**

**2017**

---



Disediakan Oleh

Pusat Kegiatan Guru Kukup  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor

## 1. PENDAHULUAN

Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) 2017 merupakan salah satu program Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Program Gerakan Tabiat Membaca bertujuan membina tabiat membaca dalam kalangan murid sekolah dan pembelajaran sepanjang hayat. Program Kem Membaca 1 Malaysia telah dimulakan kali pertama pada 2009 sehingga kini. Semua sekolah diarahkan untuk mengambil bahagian dalam melaksanakan program ini.

KM1M Tahun 2017 akan dilaksanakan pada bulan April iaitu **4 hingga 6 APRIL 2017** Pada Tahun ini Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menetapkan supaya semua sekolah di negeri Johor menjalankan aktiviti pembacaan buku ini secara serentak dengan Majlis Pelancaran Peringkat Negeri Johor yang akan diadakan di **SK Taman Nusa Damai. PG.**

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Ikhtias bil. 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998 telah menyatakan bahawa Program NILAM wajib dijalankan di semua sekolah di seluruh negara. Selain itu, usaha ke arah merencanakan aktiviti galakan membaca wajar digerakkan untuk menyokong hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menarik minat murid lebih banyak membaca.

2.2 Program NILAM merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membina tabiat membaca dalam kalangan murid dengan hasrat mewujudkan budaya membaca dan budaya ilmu dalam kalangan rakyat Malaysia. Sekolah perlu mengadakan aktiviti-aktiviti galakan membaca secara berperingkat dan berterusan meliputi aktiviti asas, aktiviti pemupukan dan aktiviti pengayaan. Justeru itu, satu strategi yang berkesan perlu dilaksanakan untuk memperhebatkan lagi pencapaian Program NILAM ke tahap yang lebih baik dan menyeluruh.

2.3 Berdasarkan analisis pelaksanaan Program NILAM terkini, kadar bacaan murid sekolah dalam landasan yang baik untuk mencapai sasaran. Kadar bacaan murid sekolah rendah ialah 16 buah buku bagi setiap orang murid manakala kadar bacaan murid sekolah menengah ialah 8 buah buku bagi setiap orang murid. Namun begitu program galakan membaca perlu diperhebat dan diteruskan dalam usaha melahirkan rakyat Malaysia yang progresif dan dinamik.

2.4 Ruang dan peluang perlu diberi kepada semua murid tanpa mengira latar keturunan mahupun taraf sosioekonomi agar anak-anak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti memandangkan ilmu menjadi prasyarat dalam pembinaan tamadun.

### 3. OBJEKTIF

- 3.1 Membina dan mengukuh budaya membaca di kalangan pelajar.
- 3.2 Menanam sikap menghargai dan cintakan ilmu.
- 3.3 Pembelajaran secara didik hibur di luar kelas melalui aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembacaan.
- 3.4 Penghayatan kepada konsep pembelajaran.

### 4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Kem Membaca 1Malaysia 2017 akan diadakan secara serentak di seluruh negara bermula pada **4 hingga 6 APRIL 2017**.
- 4.2 Majlis Pelancaran di peringkat kebangsaan akan diadakan serentak pada masa yang sama **di Auditorium BTP, KPM** dan Pelancaran KM1M peringkat Negeri Johor akan diadakan di **SK Taman Nusa Damai.PG**.
- 4.3 Program ini dilaksanakan bersama BTP, JPN, BTPN, PKG dan sekolah dengan kerjasama rakan perkongsian pintar (*agensi luar*).
- 4.5 Aktiviti-aktiviti yang **dicadangkan** dan boleh dilaksanakan di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah semasa Kem Membaca 1Malaysia adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Aktiviti
Hari Pertama	09.00 pagi	Perasmian KM1M 2017
	10.00 pagi	Bacaan Serentak 33 minit 37 saat
	11.00 – 01.00 ptg	Kem Penulis Muda
Hari Kedua	08.30 – 09.30 pagi	Resensi Buka
	09.30 – 11.00 pagi	Bacaton
	11.00 – 01.00 ptg	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Ceritalah lagi</li> <li>○ Klinik membaca</li> </ul>
Hari Ketiga	08.30 – 10.30 pagi	Pertandingan Bercerita BM & BI
	11.00 – 01.00 ptg	Majlis Penutup dan Penyamoaian Hadiah

\* Pihak sekolah boleh melaksanakan aktiviti galakan membaca yang difikirkan sesuai selain yang dicadangkan

## 5. LAPORAN PELAKSANAAN

- 5.1 Laporan pelaksanaan KM1M di peringkat sekolah hendaklah dihantar ke Bahagian Teknologi Pendidikan melalui Pusat Kegiatan Guru masing-masing.
- 5.2 Format pelaporan hendaklah seperti pada Lampiran B.
- 5.3 Laporan pelaksanaan KM1M peringkat sekolah hendaklah dihantar ke PKG masing-masing sebelum atau pada **20 APRIL 2017. Melalui email : [sani.btpnjoh@moe.gov.my](mailto:sani.btpnjoh@moe.gov.my) (KUKUP)**

## PENUTUP

Diharapkan program ini akan dapat memberi nilai tambah kepada pelaksanaan aktiviti Galakan Membaca disamping Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dengan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua Negara. Disamping itu, generasi masa kini dapat diterapkan dengan nilai cintakan ilmu dan budaya membaca, merapatkan hubungan harmoni antara masyarakat serta melahirkan masyarakat cerdas dan berilmu sebagai tunjang utama kecemerlangan Negara

LAMPIRAN A

**OPERASI PELAKSANAAN AKTIVITI KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2017**

Nama Aktiviti : **KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2017**  
 Tarikh dilaksanakan : *4 APRIL 2017 (serentak di seluruh negara)*  
 Masa : *10.00 pagi*  
 Sasaran : *Semua Warga sekolah*

Cara Pelaksanaan:

Bil	Aktiviti	Arahan	Tindakan
	<b><u>SEBELUM:</u></b>		
1.	Menyelaras tempat aktiviti membaca	Menetapkan tempat aktiviti KM1M 2017	GPM
2.	Menubuhkan AJK Kerja	Membincangkan senarai dan agihan tugas	Pengetua/Guru Besar/GPM
3.	Pergerakan ke Lokasi	Memastikan murid-murid bergerak ke lokasi membaca dalam masa yang ditetapkan	Guru Kelas/ Guru Tingkatan
	<b><u>SEMASA:</u></b>		
4.	Semua warga sekolah pergi ke lokasi membaca	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meminta semua murid, guru-guru dan warga sekolah dengan buku masing-masing mengambil tempat</li> </ul>	GPM
5.	Ucapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi ucapan tujuan aktiviti KM1M 2017</li> </ul>	Pengetua/ Guru Besar
6.	Arahan Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi arahan tentang pelaksanaan KM1M 2017</li> </ul>	GPM
7.	<b><i>COUNT DOWN</i></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat kiraan .... dan MULA...</li> </ul>	Pengetua/ Guru Besar
8.	Aktiviti Membaca selama 2017 saat atau 33 minit : 37 saat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua mula membaca secara senyap tepat jam 10.00 pagi</li> </ul>	Semua Warga Sekolah
9.	Berhenti membaca/bersurai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berhenti membaca</li> </ul>	GPM
	<b><u>SELEPAS:</u></b>		
10	Laporan Pelaksanaan dan Laporan Bergambar (Format seperti Lampiran B )	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghantar laporan ke PKG</li> </ul>	GPM

**LAPORAN  
PELAKSANAAN PROGRAM KEM MEMBACA 1 MALAYSIA 2017 (KM1M)**

NAMA SEKOLAH :  
 KOD SEKOLAH :  
 ALAMAT SEKOLAH :  
 PKG :  
 DAERAH :  
 PENGLIBATAN MURID : PENGLIBATAN GURU :

BIL	TARIKH	AKTIVITI	CARA PELAKSANAAN	SASARAN
1				
2				
3				
JUMLAH BESAR (BILANGAN ) MURID TERLIBAT :				
JUMLAH BESAR (BILANGAN ) GURU TERLIBAT :				

DISAHKAN OLEH:

COP SEKOLAH

PENGETUA/GURU BESAR

---

**GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI PELAKSANAAN PROGRAM KEM MEMBACA 1MALAYSIA**

DARI..... SEHINGGA.....

Tarikh : Aktiviti :	Tarikh Aktiviti
Tarikh : Aktiviti :	Tarikh Aktiviti

Disediakan dan dilaporkan oleh :

GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA